

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NASIONAL

Trend angka mingguan kes HFMD tunjuk penurunan

Putrajaya: Penularan penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD) pada Minggu Epidemiologi (ME) 24/2022 dari 12 Jun hingga Rabu minggu lalu, mencatat penurunan 19.3 peratus kepada 10,556 kes berbanding 13,077angkitan pada minggu sebelumnya.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata trend angka mingguan kes HFMD menunjukkan penurunan sejak ME 22/2022 selepas ia mencapai kemuncak tertinggi pada ME 21/2022.

"Selangor menjadi penyumbang terbesar dengan merekodkan bilangan kes tertinggi berbanding negeri lain, iaitu 29,880angkitan (28.1 peratus).

"Ia diikuti Kuala Lumpur dan Putrajaya 11,687 kes (11.0 peratus), Perak (10,938 kes / 10.3 peratus), Johor (7,052 kes / 6.6 peratus) dan Kelantan (6,532 kes / 6.1 peratus)," katanya.

Mengulas lanjut, Dr Noor Hisham memaklumkan tahun ini setakat Rabu minggu lalu, 106,477 kes HFMD dilaporkan, meningkat 39 kali ganda berbanding 2,710angkitan dalam tempoh sama tahun lalu.

Selain itu, katanya, ia juga meningkat 3.4 kali ganda berbanding 31,500 kes dalam tempoh sama pada 2019 (sebelum pandemik COVID-19).

Dalam pada itu, beliau berkata, kanak-kanak menjadi golongan paling banyak dijangkiti HFMD dengan 95,175 kes (89 peratus) membabitkan mereka yang berusia enam tahun ke bawah, diikuti kumpulan berumur tujuh hingga 12 tahun dengan 9,183angkitan (sembilan peratus).

"Berdasarkan surveilans jenis virus (enterovirus) penyebab HFMD di Malaysia, tiga virus utama yang mengakibatkan penularan penyakit itu dalam komuniti pada 2022 adalah Enterovirus 71 (EV71), Coxsackie A6 (CA6) dan Coxsackie A16 (CA16).

"Dua kes HFMD yang disahkan dijangkiti EV71 masih berada bawah pemantauan rapi di Unit Rawatan Rapi (ICU) kerana mengalami komplikasi radang otak (encephalitis)," katanya.

Hingga kini, Dr Noor Hisham berkata, 2,012 wabak dilaporkan di Malaysia yang mana Kuala Lumpur dan Putrajaya mendahului dengan 650 wabak (32.3 peratus), diikuti Sarawak (312 wabak / 15.5 peratus) dan Selangor (252 wabak / 12.5 peratus).

Beliau menjelaskan, wabak didefinisikan sebagai penularan HFMD dengan jumlah kes dua atau lebih dalam satu komuniti, dan jangkitan mempunyai kaitan epidemiologi serta berlaku dalam tempoh inkubasi penyakit.

KKM jangka kekurangan ubat mulai stabil Julai

Kementerian terus perkukuh hospital awam, siap siaga cabaran kesihatan global

Oleh Muhammad Yusri Muzamir dan Irwan Shafrihan Ismail
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan (KKM) menjangkakan bekalan ubat tertentu yang sebelum ini berkurangan akan kembali stabil, mulai bulan depan.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, berkata pihaknya mendapati 85 peratus daripada 47 fasiliti kesihatan yang disemak secara rawak mengalami kekurangan sekurang-kurangnya satu jenis ubat.

"Kita juga sudah melaksanakan beberapa semakan secara rawak untuk melihat keadaan kekurangan ubatan, membabitkan tujuh hospital, 10 klinik swasta dan 30 premis farmasi, (dengan) 85 peratus daripada 47 fasiliti ini telah melaporkan kekurangan satu jenis ubatan mengalami kekurangan.

"Kebanyakan ubatan digunakan bagi sakit biasa seperti batuk, selesema, demam dan antibiotik untuk kanak-kanak.

"Malah, minggu lalu KKM setuju meminjamkan ubat-ubatan kepada mana-mana fasiliti perubatan swasta yang tidak cukup ubat-ubatan mereka. Saya jangka situasi ini akan stabil mulai Julai dan seterusnya," katanya.

Beliau berkata demikian pada

sidang media selepas sesi dialog Menteri Kesihatan sempena Persidangan Pengarah-Pengarah Hospital (KKM) di sini, semalam.

BH sebelum ini melaporkan, beberapa jenis ubat-ubatan mengalami kekurangan di pasaran, termasuk di klinik swasta berikutan kegagalan pembekal dari luar negara menghantar bekalan mengikut tempoh ditetapkan akibat kekurangan bahan mentah.

Antara ubat didakwa mengalami kekurangan adalah ubat batuk, demam dan antibiotik yang disifatkan penting untuk rawatan harian pesakit, selain ubat untuk merawat penyakit kaki, tangan dan mulut (HFMD) disebabkan peningkatan kes itu di seluruh negara.

Susulan pendedahan itu, KKM mencari strategi bagi penyelesaian jangka masa sederhana dan panjang berhubung isu kekurangan bekalan ubat termasuk meneroka sumber baharu atau bekerjasama dengan industri farmaseutikal tempatan.

Beliau berkata, pihaknya juga sudah menghantar sampel bahan kandungan aktif 1,231 produk kepada pendaftar produk bagi mendapatkan maklum balas sejak 16 Jun lalu.

"Kita sudah terima maklum balas 50 peratus daripada pihak terbabit, yang mana ada kekurangan sudah pun dilapor kepada persatuan perubatan, hospital dan sebagainya supaya mereka dapat memperoleh ubat ubatan alternatif," katanya.

Dalam pada itu, Khairy berkata, pihaknya akan terus memperkukuh hospital awam supaya sentiasa siap siaga dalam menghadapi cabaran kesihatan global.

"Kita tahu pandemik COVID-19 bukan satu-satunya pandemik yang dihadapi manusia, kita ba-



Khairy pada sidang media di Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Mohamad Shahril Badri Saali/BH)

kal menghadapi lebih banyak dan ini bukan pandemik terakhir," katanya.

Dalam pada itu, Khairy mengesahkan orang ramai mengambil dos penggalak kedua vaksin COVID-19 selepas mengambil kira tiada laporan berhubung kesan sampingan dos terbabit diterima KKM.

Katanya, 107,844 direkodkan sudah menerima dos penggalak kedua di seluruh negara sehingga kelmarin, dengan 57,834 daripada angka itu warga emas.

"Kita akan terus menggalakkan semua pihak, terutama warga emas dan individu yang mempunyai penyakit kronik untuk mendapatkan dos penggalak kedua.

"Setakat ini, kita tak dapat laporan kesan sampingan dos penggalak kedua dan ia amat digalakkan terutama bagi mereka berusia 60 tahun ke atas yang mempunyai penyakit kronik," katanya.

Sementara itu, Khairy berkata, seramai 397 kanak-kanak menerima dos pertama vaksin CO-

VID-19 melalui Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan Kanak-Kanak (PICKids) yang dibuka semula sejak kelmarin, dengan 150 daripadanya baru mencapai usia lima tahun.

Beliau berkata, kempen selama lima hari sehingga Jumaat ini, dibuat bagi memberi peluang kepada ibu bapa untuk mendapatkan vaksin bagi anak mereka berusia lima tahun ke atas, selain menjangka angka itu meningkat sepanjang tempoh berkenaan.

"Untuk PICKids kita sudah mulakan satu kempen khusus untuk dibuat semula sempena Minggu Imunisasi Kebangsaan, walaupun sebelum ini, kita umumkan PICKids tamat 31 Mei lalu untuk kanak-kanak berusia lima tahun ke atas," katanya.

Mengenai situasi COVID-19, Khairy berkata, penularan wabak itu di seluruh negara masih terkawal, namun KKM akan terus memberi peringatan agar masyarakat sentiasa bersedia menghadapi gelombang baharu.

Kluster ILI dikesan di SBP daerah Gombak

Shah Alam: Jabatan Kesihatan Selangor (JKNS) mengesahkan satu kluster Penyakit Seperti Influenza (ILI) dikesan di sebuah sekolah berasrama penuh (SBP) di daerah Gombak.

Pengarah Kesihatan Selangor, Datuk Dr Sha'ari Ngadiman, berkata kluster itu mula dikesan di sekolah terbabit pada 19 Jun lalu apabila Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Gombak menerima notifikasi kes pertama daripada fasiliti kesihatan swasta mengenai seorang pelajar didapati positif Influenza A.

"Kes itu bermula apabila pelajar terbabit mengalami gejala

jangkitan saluran pernafasan pada 17 Jun lalu.

"Hasil siasatan pihak PKD Gombak mendapati terdapat satu lagi kes membabitkan pelajar sekolah sama, dimasukkan ke sebuah hospital swasta bagi menerima rawatan akibat jangkitan Influenza A.

"Hasil siasatan mendapati secara keseluruhan, ada 226 pelajar mengalami gejala jangkitan saluran pernafasan seperti demam, batuk, selesema dan sakit tekak, di mana enam disahkan positif Influenza A dengan kadar serangan jangkitan 32.7 peratus," katanya dalam kenyataan, semalam.

Setakat ini, Dr Sha'ari berkata, seorang pelajar positif Influenza A terbabit sedang menerima rawatan di hospital dan berada dalam keadaan stabil, manakala pelajar lain dirawat sebagai pesakit luar.

"PKD turut menjalankan ujian COVID-19 ke atas 69 pelajar bergejala dan mendapati semuanya negatif," katanya.

Justeru, beliau memaklumkan, PKD Gombak sudah mengambil langkah kawalan dan pencegahan, termasuk bekerjasama dengan pentadbiran sekolah bagi menjalankan aktiviti kawalan serta pencegahan penyakit berjangkit.

"Ia membabitkan pengesanan serta pengasingan kes dan rawatan awal di sekolah, serta mengesan kes yang memerlukan rawatan lanjut di hospital.

"Selain itu, membantu pihak sekolah melaksanakan aktiviti disinfeksi dan menjalankan aktiviti pendidikan kesihatan berkaitan pencegahan penularan kluster ILI," katanya.

Sehubungan itu, katanya, JKNS menasihati orang ramai termasuk pentadbir institusi pendidikan dan jagaan sama ada kerajaan mahupun swasta, agar sentiasa mengamalkan langkah kawalan sendiri.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : LOKAL

Ada kelesuan dalam pematuhan SOP

Putrajaya: Beberapa faktor dikesan menjadi punca peningkatan kes Covid-19 di negara ini antaranya ke-lalaian atau kelesuan orang ramai terhadap Prosedur Operasi Standard (SOP) di negara ini.

Mantan Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan), Kementerian Kesihatan (KKM), Datuk Dr Rohaizat Yon berkata, sememangnya peningkatan kes Covid-19 di negara ini sudah dijangkakan.

"Kes meningkat atas beberapa faktor iaitu kelonggaran kawalan dan sekatan sama ada di luar atau dalam negara serta musim perayaan apabila orang ramai

ambil peluang bercuti selepas dua tahun tidak boleh berbuat demikian.

"Selain itu ada juga kelesuan terhadap pematuhan SOP dalam kalangan individu atau kelompok tertentu serta pembukaan sempadan negara," katanya semalam.

Kelmarin, Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah memaklumkan jangkitan kes tempatan baharu Covid-19 di negara ini mencatatkan peningkatan sebanyak

28.1 peratus sepanjang Minggu Epidemiologi ke-24 (ME 24/2022), iaitu antara 12 Jun hingga Sabtu lalu.

Beliau berkata, pertambahan itu membabitkan 11,076 kes ME sebelumnya kepada 14,187 kes.

Bagaimanapun, Dr Noor Hisham berkata, bilangan kes import turun 60.0 per-

atus iaitu daripada 20 kes kepada lapan kes manakala kes kematian turut berkurangan kepada 16.0 peratus iaitu 25 kes kepada 21 kes bagi tempoh sama.

Dalam masa itu, secara keseluruhannya, Dr Rohaizat berkata, walaupun ada segelintir individu lalai dan tidak patuh dengan SOP.

"Sebenarnya kesedaran rakyat Malaysia terhadap prosedur ditetapkan itu boleh dikategorikan sebagai agak baik.

"Walaupun ada peningkatan kes namun pesakit hanya alami gejalaringan atau berada dalam kategori 1 dan 2 sahaja," katanya.



"Orang ramai ambil peluang bercuti selepas dua tahun tidak boleh berbuat demikian"
Dr Rohaizat

Pengecualian sewa kantin, premis dalam sekolah dilanjutkan

Kuala Lumpur: Pengecualian sewaan kantin dan premis dalam sekolah di bawah Kementerian Pendidikan (KPM) dilanjutkan enam bulan lagi bermula 1 Julai sehingga 31 Disember, kata Menteri Kanan Pendidikan Datuk Dr Radzi Jidin.

Beliau berkata, pelanjutan dibuat selepas mengambil kira situasi ekonomi semasa serta memahami pengusaha kantin dan penyewa premis dalam proses pemulihan daripada kesan pandemik Covid-19.

"Tempoh dua tahun satu

tempoh sukar bagi pengusaha kantin dan juga penyewa premis di sekolah KPM.

"KPM yakin pelanjutan enam bulan ini dapat membantu dan memberi manfaat kepada pengusaha kantin dan penyewa premis di sekolah KPM serta memberi manfaat kepada warga sekolah," katanya.

Radzi turut berharap keputusan melanjutkan pengecualian itu dapat memberi kelegaan buat pengusaha kantin dan penyewa premis di sekolah bawah KPM.

Usahlah **khuatir** kalau kes naik!

Liputan vaksin dalam negara di tahap baik bantu kurangkan kesan sampingan dihadapi pesakit

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
am@hmetro.com.my

Putrajaya

Masyarakat tidak perlu khuatir dengan peningkatan kes Covid-19 di Malaysia dan beberapa negara Asean yang lain kerana data bagi liputan vaksin berada di tahap yang baik.

Pakar Kesihatan Awam (Epidemiologi dan Biostatistik) dari Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Malina Osman berkata, hanya ada satu atau dua negara sahaja liputan vaksinnya masih rendah iaitu 60 peratus seperti dilaporkan di Myanmar.

Katanya, masyarakat perlu melihat tiga indikator utama Covid-19 antaranya kemasukan pesakit ke dalam hospital dan jumlah kematian dilaporkan sebelum mengatakan kes sesebuah negara itu meningkat secara mendadak.

"Kita lihat pada liputan vaksin di sesebuah negara itu, secara umumnya kes meningkat. Kita tidak lihat jumlah kes semata-mata, jika tiga indikator dinyatakan



"Kita akui, walaupun dengan (suntikan) vaksin, masih ramai yang dijangkiti oleh wabak berkenaan namun kesan sampingan dihadapi pesakit berkenaan lebih ringan"

Dr Malina

tadi menunjukkan peningkatan barulah ia memerlukan perhatian yang lebih supaya sistem kesihatan negara tidak lumpuh.

"Kita akui, walaupun dengan (suntikan) vaksin, masih ramai yang dijangkiti



"Saya bimbang apabila kita agak lalai dengan SOP yang ditetapkan seperti menjaga jarak, pemakaian pelitup muka, membasuh tangan dan menjaga jarak dalam keramaian dan kenduri-kendara"

Dr Rafidah

wabak berkenaan namun kesan sampingan dihadapi pesakit berkenaan lebih ringan berbanding mula-mula penularan virus di negara ini," katanya semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Dr Noor Hisham me-



ORANG ramai memakai pelitup muka ketika membeli-belah di sekitar kawasan Pasar Kedai Payang, Kuala Terengganu.
- Gambar NSTP/GHAZALI KORI

maklumkan jumlah kes baharu Covid-19 di negara ini meningkat 27.9 peratus atau 11,096 kes kepada 14,195 kes berbanding pada minggu sebelumnya (ME ke-23).

"Tada perubahan ketara

bagi jumlah kemasukan pesakit Covid-19 ke fasiliti kesihatan iaitu hospital serta Pusat Kuarentin dan Rawatan Covid-19 (PKRC) bagi setiap 100,000 penduduk untuk ME ke-24 berbanding

ME sebelumnya," katanya.

Dr Malina berkata, walaupun kini masyarakat mula leka dengan kelonggaran prosedur operasi standard (SOP) ramai terlindung daripada dijangkiti Covid-19 kerana sudah ambil vaksin.

Sementara itu Naib Presiden Ikatan Pengamal Perubatan dan Kesihatan Muslim Malaysia (I-Medik), Prof Madya Dr Rafidah Hanim Mokhtar berkata, peningkatan kes sudah dijangka kerana rakyat Malaysia baharu sahaja menyambut Aidilfitri serta berkumpul ketika cuti persekolahan.

"Trend kenaikan kes Covid-19 dijangkakan kerana kita baru merayakan Aidilfitri dan diikuti cuti sekolah. Kita melihat sepanjang bulan Syawal pelbagai perhimpunan, majlis hari raya dan kenduri-kendara diadakan di seluruh negara.

"Kita perlu terima hakikat perlu hidup dengan virus Covid-19 dan meneruskan aktiviti seperti biasa. Tetapi saya bimbang apabila kita lalai dengan SOP yang ditetapkan seperti menjaga jarak, pemakaian pelitup muka, membasuh tangan dan menjaga jarak dalam keramaian dan kenduri-kendara," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 12

RUANGAN : LOKAL

Oleh Ruwaida Md Zain
am@hmetro.com.my

Shah Alam

Bukan sedikit jumlahnya apabila seramai 226 pelajar sekolah berastama penuh di daerah Gombak disahkan dijangkiti penyakit Influenza A.

Perkara itu disahkan Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS) berhubung kewujudan kluster Influenza-Like-Illness (ILI), semalam.

Pengarah Kesihatan Selangor, Datuk Dr Sha'ari Ngadiman berkata, kluster itu mula dikesan di sekolah berkenaan pada 19 Jun lalu apabila Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Gombak menerima notifikasi kes pertama dari fasiliti kesihatan swasta berhubung kejadian seorang pelajar positif dijangkiti Influenza A.

"Kes itu bermula apabila pelajar terbabit mengalami gejala jangkitan saluran pernafasan pada 17 Jun lalu.

"Hasil siasatan lanjut oleh pihak PKD Gombak mendapati, terdapat satu lagi kes membabitkan pelajar sekolah sama dimasukkan ke sebuah hospital swasta bagi menerima rawatan akibat jangkitan Influenza A.

"Siasatan mendapati secara keseluruhan, terdapat sejumlah 226 pelajar mempunyai gejala jangkitan saluran pernafasan seperti demam, batuk, selesema dan sakit tekak di mana enam pelajar disahkan positif jangkitan Influenza A

KLUSTER INFLUENZA-LIKE-ILLNESS

226 pelajar asrama penuh dijangkiti

dengan kadar serangan jangkitan 32.7 peratus," katanya semalam.

Dr Sha'ari berkata, sehingga kini, seorang pelajar positif Influenza A sedang menerima rawatan di hospital dan berada dalam keadaan stabil, manakala lain-lain pelajar dirawat sebagai pesakit luar.

"Pihak PKD turut menjalankan ujian Covid-19 ke atas sejumlah 69 pelajar bergejala dan mendapati kesemuanya negatif," katanya.

Justeru itu, katanya, PKD Gombak sudah mengambil langkah-langkah kawalan dan pencegahan termasuk bekerja

sama dengan pihak pentadbiran sekolah bagi menjalankan aktiviti kawalan serta pencegahan penyakit berjangkit.

"Ini membabitkan pengesanan dan pengasingan kes serta perawatan awal di sekolah dan mengesan kes-kes yang memerlukan rawatan lanjut di hospital,

"Juga membantu pihak sekolah menjalankan aktiviti disinfeksi dan menjalankan aktiviti pendidikan kesihatan berkaitan pencegahan penularan kluster ILI," katanya.

Sehubungan itu, katanya, JKNS ingin menasihati orang ramai termasuk pentadbir institusi-institusi pendidikan, jagaan sama ada kerajaan mahupun swasta agar sentiasa mengamalkan langkah kawalan sendiri.

"Antaranya mengamalkan penjarakan fizikal dan pemakaian pelitup muka di kawasan-kawasan sesak selain menjaga kebersihan tangan, diri serta kawasan sekeliling.

"Orang ramai turut disaran tidak menghadirkan diri ke tempat tumpuan awam, sekolah dan tempat kerja sekiranya bergejala. Segera dapatkan rawatan dan ujian berkaitan bagi memastikan langkah kawalan dan pencegahan dijalankan seawajarnya," katanya.

"Di samping itu, JKNS akan terus memantau situasi dan trend kejadian ILI di Selangor serta bekerjasama dengan pihak berkaitan bagi memastikan langkah kawalan dan pencegahan dijalankan seawajarnya," katanya.

JANGKITAN HFMD

Selangor masih penyumbang kes tertinggi

Putrajaya: Jangkitan penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD) minggu lalu menunjukkan penurunan sebanyak 19.3 peratus atau 10,556 kes berbanding minggu sebelumnya iaitu 13,077 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, Selangor menjadi penyumbang terbesar dan mencatatkan kes tertinggi berbanding negeri lain iaitu sebanyak 29,880 kes (28.1 peratus) setakat ini.

"Ia diikuti oleh Kuala Lumpur dan Putrajaya 11,687 kes (11.0 peratus), Perak 10,938 kes (10.3 peratus), Johor 7,052 kes (6.6 peratus) dan Kelantan 6,532 kes (6.1 peratus)," katanya.

Mengulas mengenai situasi HFMD secara keseluruhan sepanjang tahun ini, Dr Noor Hisham berkata, sebanyak 106,477 kes dilaporkan iaitu peningkatan 39 kali ganda berbanding 2,710 kes tahun lalu.

"Jika dibandingkan dengan 31,500 kes bagi tempoh yang sama pada 2019 (sebelum pandemik Covid-19), ia menunjukkan peningkatan sebanyak 3.4 kali ganda," katanya.

Dalam pada itu, Dr Noor Hisham memaklumkan, kanak-kanak golongan paling ramai dijangkiti HFMD iaitu 95,175 (89 peratus) yang berusia enam tahun ke bawah, diikuti kumpulan umur tujuh hingga 12 tahun seramai 9,183 kes (9 peratus).

"Berdasarkan surveilans jenis virus (enterovirus) penyebab HFMD di Malaysia, tiga virus utama menyebabkan penularan HFMD dalam komuniti pada 2022 adalah Enterovirus 71



Sebanyak 106,477 kes dilaporkan iaitu peningkatan 39 kali ganda berbanding 2,710 kes tahun lalu"

Dr Noor Hisham Abdullah

(EV71), Coxsackie A6 (CA6) dan Coxsackie A16 (CA16).

"Dua kes HFMD disahkan dijangkiti EV71 masih di bawah pemantauan rapi di Wad Rawatan Rapi (ICU) kerana mengalami komplikasi radang otak (encephalitis).

"Sehingga kini, sebanyak 2,012 wabak dilaporkan di Malaysia dengan tiga negeri mencatatkan kejadian wabak tertinggi iaitu Kuala Lumpur dan Putrajaya sebanyak 650 wabak (32.3 peratus), diikuti Sarawak 312 wabak (15.5 peratus) serta Selangor 252 wabak (12.5 peratus)," katanya.

Tambah Dr Noor Hisham, majoriti lokasi penularan wabak berlaku di tasika, tabika, tadika dan pra-sekolah iaitu 1,131 wabak (56 peratus) diikuti rumah persendirian 794 wabak (40 peratus) dan pusat jagaan kanak-kanak sebanyak 57 wabak (3 peratus).

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : DALAM NEGERI

Kes HFMD terus turun

PUTRAJAYA: Penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD) terus menunjukkan penurunan dengan merekodkan sebanyak 10,556 kes atau 19.3 peratus pada minggu epidemiologi (ME) 24/2022 (12 hingga 18 Jun) berbanding 13,077 kes pada ME 23/2022.

Menurut Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah, trend kes mingguan HFMD turut menunjukkan penurunan sejak ME 22/2022 selepas mencapai kemuncak tertinggi iaitu melebihi 18,000 kes pada ME 21/2022.

Noor Hisham berkata, secara keseluruhan, Selangor masih menyumbang jumlah kes tertinggi berbanding negeri-negeri lain iaitu 29,880 kes atau 28.1 peratus diikuti Kuala Lumpur dan Putrajaya sebanyak 11,687 kes (11 peratus) dan Perak sebanyak 10,938 kes (10.3 peratus).

"Sehingga 18 Jun lalu iaitu hari terakhir ME 24/2022, sejumlah 106,477 kes dilaporkan iaitu peningkatan sebanyak 39 kali ganda berbanding jumlah kes bagi tempoh sama pada tahun lalu (semasa pandemik Covid-19) iaitu 2,710 kes.

"Jika dibandingkan dengan 31,500 kes bagi tempoh sama pada 2019 (sebelum pandemik Covid-19), ia menunjukkan peningkatan sebanyak 3.4 kali ganda," katanya dalam kenyataan hari ini.

Mengulas lanjut, Noor Hisham berkata, kanak-kanak merupakan golongan yang paling ramai mengalami HFMD iaitu 95,175 (89 peratus) iaitu kanak-kanak berumur enam tahun ke bawah diikuti kumpulan umur tujuh hingga 12 tahun seramai 9,183 kes (9 peratus).

Jelas beliau, berdasarkan surveilan jenis virus (enterovirus) penyebab HFMD di negara ini, tiga virus utama yang menyebabkan penularan HFMD dalam komuniti pada tahun ini adalah Enterovirus 71 (EV71), Coxsackie A6 (CA6) dan Coxsackie A16 (CA16).

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS/NATION

COVID-19 WARNING

BRACE FOR ANOTHER WAVE, SAYS KJ

Length and severity uncertain, but trend in other countries indicates another spike, says minister

DAWN CHAN
PETALING JAYA
news@nst.com.my

THE people have been told to brace for a possible new Covid-19 wave in the next few months.

Health Minister Khairy Jamaluddin said epidemiology developments in other countries showed that another wave of infections might happen.

"The Covid-19 situation in the country is under control. I have repeatedly said there will be highs and lows of cases as well as waves from time to time.

"Maybe in two to three months we may experience a new wave. How far or how big it is, we do not know.

"So people in certain categories, the elderly and those with chronic health problems, are encouraged to top up their immunity with vaccine doses," he told a press conference yesterday.

Separately, Khairy said 397 children received their first dose of Covid-19 vaccine under the five-day National Covid-19 Immunisation Programme for Children (PICKids) that was reactivated yesterday.

From this, 150 were children who just turned 5.

Khairy said 107,844 people had taken their second booster dose, with 57,834 of them aged 60 and above.

"We will continue to encourage senior citizens and those with chronic diseases to get the second booster dose.

"So far, we have not received



People at Pasar Payang in Kuala Terengganu on Sunday. Health Minister Khairy Jamaluddin has warned people to expect another spike in Covid-19 infections. PIC BY GHAZALI KORI

reports of serious side effects from the second booster dose," he said.

Khairy said the ministry had distributed on June 16 guidelines to the private sector on the use of Paxlovid, the oral antiviral drug for Covid-19.

The use of Paxlovid, he said, began yesterday.

On Monday, 2,093 Covid-19 cases were logged, a jump from the 1,690 on Sunday. The case tally is now 4,542,705. Three deaths recorded on Monday brought the death toll to 35,735.

There are 25,952 people being isolated or treated for Covid-19. Of the total, 24,929 people are isolating at home, 15 are at quarantine centres, and 985 are in hospital.

Eighteen Covid-19 patients in Intensive Care Units (ICU) need breathing aid, while five other ICU patients do not.

There were 161 hospital admissions in the Klang Valley, with hospital bed utilisation rates at 54.6 per cent.

Selangor recorded the highest number of daily admissions at

138 (bed utilisation rate in the state currently at 76.2 per cent), while Kuala Lumpur and Putrajaya registered 12 and 11 new admissions, respectively.

A total of 2,082 people recovered from Covid-19 on Monday, taking the overall figure to 4,481,018 cases.

On vaccination rates, 68.6 per cent of the nationwide adult population have received the booster dose, 97.8 per cent of individuals have received two doses, while 99 per cent have received at least one dose.

A total of 2,911,081 adolescents in Malaysia aged between 12 and 17 have also received two vaccine doses and 3,001,413 have received at least one dose.

Meanwhile, 1,299,348 children aged between 5 and 11 have received two vaccine doses and 1,737,987 (49 per cent) have received at least one dose.

Of the total population, 28,021,608 people (85.8 per cent) received at least one dose of the Covid-19 vaccine, and 27,215,106 people received two doses (83.3 per cent).

'Cases creeping up after travel curbs eased'

PUTRAJAYA: Pandemic fatigue and the lack of compliance to the Standard Operating Procedures (SOPs) are among the factors that contributed to the increase in Covid-19 cases in the country.

Former deputy director-general of health (medicine) Datuk Dr Rohaizat Yon said such a situation was expected since movements restrictions were eased a few months ago.

"The easing of curbs and border reopening, as well as the festive seasons have contributed to this, as many people are taking the opportunity to go for holidays after the restrictions were lifted.

"Apart from that, the lack of SOP compliance by some people have also contributed to the recent increase in Covid cases," he said yesterday, adding that overall most people still complied

with the health protocols.

"While there was an increase in cases, most of them were Category 1 and 2 patients, with mild symptoms.

"Furthermore, the vaccination rate, as well as the country's healthcare system capacity have kept the Covid-19 situation stable. Hospitals have the capacity to handle Category 3, 4 and 5 admissions," he added.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NATION/NEWS

NO RELIABLE SCREENING METHOD

'80PC OF CASES DETECTED AT STAGE 3'

Khairy urges women to be aware of early signs, risk factors of ovarian cancer

DAWN CHAN
PETALING JAYA
news@nst.com.my

MORE than 80 per cent of ovarian cancer cases in Malaysia are detected only at stage 3 or above.

Health Minister Khairy Jamaluddin said it was a problem that needed to be looked into and there was a need for early detection through better screening.

"That is unfortunately not too reliable right now, even in other countries.

"The best way is to create awareness of early signs before we get a more effective screening method for ovarian cancer," he said at a press conference yesterday.

He urged women to look out for



Health Minister Khairy Jamaluddin speaking at a press conference in Petaling Jaya yesterday. BERNAMA PIC

ovarian cancer risk factors such as advanced age, family history, obesity, weight loss, bloated stomach and pelvic pain.

Pantai Hospital Cheras consultant obstetrician and gynaecologist Dr Ida Lilywaty Md Latar said there was no reliable screening method for ovarian cancer to ensure early detection and prevention.

She said this resulted in late presentation in the majority

of cases.

"More than 80 per cent of ovarian cancer cases are detected at stage 3 and above for the first time.

"Unlike cervical and breast cancer, which are relatively preventable with early detection through reliable screening methods like a Pap smear and mammogram, respectively, screening for ovarian cancer is generally not reliable and not widely avail-

able, making early diagnosis difficult and challenging."

On Saturday, artist Adibah Noor died of stage 4 ovarian cancer at Gleneagles Hospital in Ampang. She was 51.

Her father, Mohd Omar Zainal Abidin, 89, told Harian Metro Online he did not know Adibah had ovarian cancer.

On medicine shortage, Khairy said it was expected to be stabilised next month.

He said random checks by the ministry revealed that 85 per cent of 47 health facilities and premises had reported at least one medicine shortage. The checks involved seven private hospitals, 10 private health clinics and 30 community pharmacies.

"The shortage mostly involves medicine for common illnesses like cough, cold and fever and antibiotics for children.

"As I said last week, the ministry has agreed to loan medicines to any private health facilities that are fac-

ing shortages.

"But I expect the situation to stabilise in the next month or so," he said.

He said the ministry was monitoring the shortage based on feedback on active ingredients and products from health facilities and the pharmaceutical industries.

He said up to June 16, feedback on the availability of 36 active ingredients, involving 1,231 products, had been requested from product registration holders.

"We have received feedback for more than 50 per cent of the products from product registration holders.

"The list of products that are seeing a shortage as well as the alternative products has been shared with associations for hospitals, private clinics, community pharmacies and dental clinics for their reference.

"It will be updated on a weekly basis, depending on the situation."



Dr Ida Lilywaty Md Latar

PREVENTIVE MEASURES TAKEN

Influenza A cluster detected in Gombak school

SHAH ALAM: The Selangor Health Department (JKNS) has confirmed an influenza-like illness (ILI) cluster incident involving a boarding school in Gombak.

Selangor Health director Datuk Dr Sha'ari Ngadiman said the cluster was first detected in the school on June 19 when the Gombak District Health Office (PKD) received the first case notification from a private health facility of a student testing positive for Influenza A.

"The case saw a student suffering symptoms of the respiratory tract infection on June 17.

"Further investigations by PKD Gombak found that there was another student from the same school admitted to a private hospital receiving treatment due to Influenza A infection.

"Investigations also found that there were 226 students with symptoms of respiratory tract in-

fections such as fever, cough, flu, and sore throat.

"Six students were confirmed positive for Influenza A infection with an infection attack rate of 32.7 per cent," he said in a statement yesterday.

Dr Sha'ari said to date, one Influenza A-positive student was receiving treatment in hospital and was in stable condition and other students were receiving outpatient treatment.

"The PKD also conducted Covid-19 tests on 69 students with symptoms and found that all of them were negative."

He added that the Gombak PKD had taken control and preventive measures, including working with the school administration to carry out control and prevention of infectious diseases.

"This involves detection and isolation of cases as well as early treatment in schools and track-

ing cases that require treatment in hospitals.

"We are helping the school to carry out disinfection activities and carrying out health education activities related to the prevention of ILI cluster transmissions," he said.

He advised the public, including administrators of educational institutions and caregivers, to always practise self-control measures.

"Among them is practising physical distancing and wearing face masks in crowded areas as well as maintaining hand and personal hygiene, as well as in the surrounding areas.

"Do not attend public places, schools or workplaces if there are symptoms and immediately seek treatment and related tests at the nearest health facility if there are symptoms.

"In addition, JKNS will continue to monitor the situation and trends of ILI incidents in Selangor as well as work with relevant parties to ensure that control and prevention measures are carried out."



Datuk Dr Sha'ari Ngadiman

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NATION

Free Paxlovid for patients

KJ: Covid-19 drug now available at private health facilities

PETALING JAYA: The antiviral drug Paxlovid will be available for free to Covid-19 patients at private health facilities, says the Health Minister.

Khairy Jamaluddin said the drug has been available at these facilities since Monday, and his ministry had distributed the circulars and guidelines on the expansion and use of the drug to private healthcare on June 16.

"The provision of the drug to patients at private health facilities is free. However, patients are still subject to consultation charges and other related charges determined by the private health facility," he added.

Paxlovid is the first oral antiviral drug available in Malaysia that treats Covid-19 patients with mild to moderate symptoms or Categories 2 and 3.

Khairy said priority would be given to the high-risk group of Covid-19 patients.

The use of the antiviral drug started in health facilities under the ministry on April 15.

Meanwhile, Khairy also said 107,844 individuals aged 12 and above had received their second Covid-19 booster jab as of Monday.



Latest updates: Khairy speaking during a press conference at a hotel in Petaling Jaya.

He added that 57,834 out of the total were individuals aged 60 and above.

"We encourage senior citizens and individuals with chronic conditions to get the second booster. To date, we have not received any reports on severe side effects following the second booster shot," he told a media conference after launching the ministry's Hospital

Directors Conference at a hotel here.

Covid-19 cases will fluctuate, and a potential new infection wave might emerge in the next few months, although the current situation is under control, said Khairy.

"Perhaps we can expect a new wave within the next two and three months, but the magnitude is still unknown.

"Based on epidemiological developments in other countries, a new wave could be ahead," he added, encouraging high-risk individuals to be inoculated with the fourth Covid-19 vaccine shot.

Commenting on the rebooted immunisation programme for kids (PICKids), the minister said the decision was taken as the ministry found that there were children who had not received information on the previous immunisation programme.

"As PICKids was announced to be ending for those children above five years old, the ministry realised that there are pockets of the population which had not received information on Covid-19 vaccines.

"The ministry is now helping these groups get access to Covid-19 vaccination at its health clinics," he added.

Khairy said that 397 kids were inoculated on the first day of the five-day campaign, of whom 150 had just turned five.

On Sunday, Deputy Health Minister Datuk Dr Noor Azmi Ghazali announced PICKids would reopen from Monday until Friday in conjunction with the 2022 National Immunisation Week.

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

About 1.3m children fully vaccinated against Covid-19

KUALA LUMPUR: A total of 1,299,348 children aged five to 11, or 36.6% of the child population in the country have been fully vaccinated under the National Covid-19 Immunisation Programme for Children as of Monday.

According to the CovidNOW portal, a total of 1,737,987 children, or 49% of the group, received at least one dose of the vaccine.

For adolescents aged 12 to 17, a total of 2,911,081 individuals or 93.6% of the group received two doses of vaccine while 3,001,413 or 96.5% of them received at least one dose of the vaccine.

A total of 16,129,557 individuals or 68.6% of the adult population in the country have received their booster dose, while 23,004,677 or 97.8% have completed two doses and 23,282,208 or 99% have received at least one dose of the vaccine.

On Monday, a total of 6,772 doses of Covid-19 vaccine were administered with 538 as first doses, 5,016 as second doses and 1,218 as booster doses, bringing the cumulative number of vaccine doses dispensed under the National Covid-19 Immunisation Programme to 71,151,473.

Meanwhile, the Health Ministry's GtHub portal reported a total of 2,093 new Covid-19 positive cases on Monday while one death each was recorded in Selangor, Penang and Kedah.

- Bernama

Health system being strengthened to face future pandemics: Khairy

KUALA LUMPUR: Health Minister Khairy Jamaluddin has stressed efforts to strengthen the country's public health system must be made from now, to enable his ministry to address public health problems in the coming years.

He said this after taking into account the lessons learnt from Covid-19, as well as the possibility of other pandemics occurring in the future.

"We know that the Covid-19 pandemic is not the only pandemic that humans will face and we will face many more pandemics. This is not going to be the last pandemic," he said.

He added the transformation that adopts the concept of value-based healthcare must be implemented at the hospital level, in order to produce the desired health solutions.

"Through this step, we will be able

to understand the value of investments that need to be made, thus, we believe that spending will be more efficient while enabling us to increase equality or equity of health, with investments based on value-based healthcare," he said at a press conference after a dialogue session with the Health Ministry Hospital Directors Conference.

On the medicine supply shortage,

Khairy said the ministry is always monitoring the issue, especially involving medicines that contain active ingredients.

He said that based on random checks carried out by the ministry recently, it was found that 85% of the 47 health facilities involving private hospitals, clinics, and community pharmacies, experienced at least one type of drug shortage. - Bernama